



Tatakelakuan **PEMBEKAL**

Tarikh kuat kuasa: April 1, 2024

Dokumen ini merupakan versi terjemahan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris hendaklah dirujuk.

PENDAHULUAN

Di Greatech, kami menjalankan perniagaan kami berdasarkan prinsip etika dan tanggungjawab yang dicerminkan dalam setiap bahagian operasi kami. Tatakelakuan untuk Pembekal ("Tatakelakuan Pembekal") ini menggariskan jangkaan kami kepada pembekal mengenai prinsip etika dan moral asas yang berkaitan dengan kemampanan. Pembekal diharapkan mempunyai komitmen yang sejajar dengan kami untuk menjalankan perniagaan dengan integriti, ketelusan dan menghormati piawaian etika. Pematuhan kepada Tatakelakuan Pembekal ini adalah penting untuk memupuk rantai bekalan yang mampan dan bertanggungjawab yang mendukung nilai-nilai Greatech.

Tatakelakuan Pembekal

HAK ASASI MANUSIA

Hak Asasi Manusia

Pembekal hendaklah menghormati hak asasi pekerja seperti yang digariskan dalam konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa ("ILO"). Adalah penting bahawa pembekal menjalankan operasi perniagaan mereka dengan menghormati hak asasi manusia semua individu.

Greatech tidak bersetuju dengan sebarang bentuk buruh paksa atau buruh kanak-kanak dan perdagangan manusia dilarang sama sekali. Pembekal mesti memastikan bahawa aktiviti mereka tidak melanggar hak dan maruah mana-mana individu. Greatech mementingkan kepelbagaian, keterangkuman dan kesejahteraan semua individu yang terlibat dalam rantai bekalan kami dan kami mengharapkan pembekal kami berkongsi dan mendukung prinsip yang sama dalam operasi mereka sendiri. Pematuhan terhadap prinsip hak asasi manusia adalah penting untuk memupuk

rantai bekal yang mampan dan bertanggungjawab yang menghormati maruah dan hak semua individu.

Kepelbagaian dan Kesaksamaan

Greatech komited untuk memupuk persekitaran tempat kerja yang bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi. Pembekal diharapkan melayan semua individu dengan hormat, bermaruah dan adil, tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, agama, umur, orientasi seksual, ketidakupayaan atau sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang. Amalan diskriminasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada gangguan, buli atau layanan yang tidak sama rata, dilarang sama sekali dalam rantai bekalan kami. Kami mengharapkan pembekal menggalakkan budaya keterangkuman dan kepelbagaian, yang setiap individu dihargai dan diberi peluang yang sama untuk pertumbuhan dan kemajuan. Greatech percaya pada kepentingan mewujudkan persekitaran kerja yang meraikan perbezaan dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan orang berbilang latar belakang. Mendukung prinsip tiada diskriminasi adalah penting untuk membina rantai bekalan yang mampan dan beretika yang menghargai sumbangan dan keunikan semua individu yang terlibat.

Tatakelakuan Pembekal

KEADAAN KERJA

Kebebasan Berpersatuan

Pekerja pembekal mesti mempunyai kebebasan untuk membentuk, menyertai atau memilih untuk tidak menyertai kesatuan sekerja dan terlibat dalam perbincangan perundingan kolektif tanpa ancaman diskriminasi, keganasan atau gangguan, sama ada secara fizikal atau psikologi. Greatech menjangkakan bahawa pembekal, di bawah pengurusan mereka, akan memupuk persekitaran yang konduktif untuk dialog secara terbuka mengenai keadaan kerja, membolehkan pekerja menyuarakan kebimbangan dan aduan tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Tempat Kerja yang Selamat dan Saling Menghormati

Greatech mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap gangguan dalam apa jua bentuk. Pembekal dikehendaki menyediakan persekitaran tempat kerja yang bebas daripada semua bentuk gangguan, termasuk tetapi tidak terhad kepada gangguan lisan, fizikal, seksual atau psikologi. Adalah penting bahawa semua individu dalam rantai bekalan dilayan dengan hormat, bermaruah dan profesionalisme pada setiap masa. Gangguan, intimidasi atau sebarang bentuk tingkah laku yang tidak diingini yang mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan atau menyinggung perasaan adalah dilarang sama sekali. Greatech mengharapkan pembekal melaksanakan dasar dan prosedur yang jelas untuk mencegah dan menangani isu gangguan dengan segera dan berkesan. Sebarang aduan atau kebimbangan yang berkaitan dengan gangguan mesti diambil serius, disiasat secara menyeluruh dan diselesaikan tepat pada masanya. Dengan memupuk budaya rasa hormat dan keterangkuman, kami berhasrat untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan

menawarkan sokongan kepada semua individu dalam rantai bekalan kami.

Kesihatan dan Keselamatan

Pembekal mesti mengutamakan kesihatan dan keselamatan pekerja, pelanggan dan komuniti mereka. Ini termasuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, memastikan latihan yang betul tentang prosedur kesihatan dan keselamatan, dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Pembekal harus sentiasa menilai risiko, melaksanakan langkah untuk mengurangkan bahaya dan menggalakkan budaya keselamatan sepanjang operasi mereka. Sebarang insiden atau kemalangan yang hampir-hampir berlaku mesti dilaporkan dan disiasat dengan segera untuk mencegah ia berulang. Penambahbaikan berterusan dalam prestasi kesihatan dan keselamatan adalah penting, dan pembekal digalakkan untuk bekerjasama dengan kami untuk meningkatkan piawaian kesihatan dan keselamatan di seluruh rantai bekalan.

Tatakelakuan Pembekal

Undang-undang Buruh dan Upah

Pembekal mesti mematuhi undang-undang buruh dalam bidang kuasa di mana ia beroperasi dan mendukung keperluan gaji minimum serta mematuhi peraturan mengenai waktu bekerja, kelayakan cuti dan manfaat yang dimandatkan.

Tatakelakuan Pembekal

PENGURUSAN MAKLUMAT SULIT

Keselamatan dan Kerahsiaan

Greatech meletakkan keutamaan tinggi pada keselamatan dan mengharapkan pembekal mengutamakan perlindungan maklumat, aset dan kakitangan. Pembekal dikehendaki melaksanakan langkah keselamatan yang mantap untuk melindungi daripada akses tanpa izin, kecurian, kehilangan atau kerosakan pada data, bahan dan kemudahan yang sensitif. Adalah penting bahawa pembekal mematuhi semua peraturan dan piawaian keselamatan yang berkaitan untuk memastikan integriti dan kerahsiaan maklumat. Akses kepada sumber syarikat harus dihadkan kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja, dan pembekal mesti mengekalkan kawalan ketat terhadap risiko keselamatan fizikal dan digital. Greatech mengharapkan pembekal sentiasa menyemak dan mengemas kini protokol keselamatan mereka untuk mengurangkan potensi ancaman dan kelemahan keselamatan. Dengan mengutamakan langkah keselamatan dan menggalakkan budaya kewaspadaan, pembekal

dapat menyumbang kepada rantai bekalan yang selamat dan berdaya tahan yang mendukung kepercayaan dan keyakinan semua pihak berkepentingan.

Tatakelakuan Pembekal

ALAM SEKITAR

Pengawasan Alam Sekitar

Greatech komited untuk menggalakkan kelestarian alam sekitar dan mengharapkan pembekal mengutamakan amalan mesra alam dalam operasi mereka. Pembekal dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkenaan, serta berusaha untuk meminimumkan kesan alam sekitar mereka melalui pemuliharaan sumber, pengurangan sisa dan pencegahan pencemaran. Adalah penting bagi pembekal untuk melaksanakan amalan lestari seperti kecekapan tenaga, kitar semula dan penyumberan bahan yang bertanggungjawab. Greatech menggalakkan pembekal untuk terus meningkatkan prestasi alam sekitar mereka dan mencari peluang untuk mengurangkan jejak karbon mereka. Dengan bekerjasama untuk melindungi alam sekitar, pembekal dapat menyumbang kepada rantai bekalan yang lebih hijau dan menyokong komitmen Greatech terhadap kelestarian dan tanggungjawab korporat.

Tatakelakuan Pembekal

ETIKA KORPORAT

Sogokan dan Antirasuah

Greatech melarang keras sebarang bentuk sogokan, penipuan, atau rasuah dalam semua aktiviti perniagaan. Pembekal diharapkan menjalankan operasi mereka dengan jujur, berintegriti dan telus serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan antirasuah. Ketidakpatuhan terhadap undang-undang antirasuah boleh mengakibatkan kesan yang serius, dan pembekal mesti mewujudkan prosedur yang mencukupi untuk memastikan pematuhan mereka sendiri. Rasuah, sogokan, atau sebarang amalan tidak beretika lain tidak dibenarkan, dan mana-mana pembekal yang didapati terlibat dalam aktiviti sedemikian akan menghadapi penamatan hubungan perniagaan dengan serta-merta.

Hadiah atau manfaat yang ditawarkan kepada pekerja Greatech oleh pembekal biasanya tidak dibenarkan jika ia menjejaskan atau berisiko

menjejaskan objektiviti dan keupayaan pekerja untuk membuat keputusan yang tepat secara komersial.

Kami mengharapkan pembekal kami memastikan rekod yang tepat, memberikan maklumat yang benar dan melaporkan sebarang tingkah laku yang mencurigakan atau kebimbangan yang berkaitan dengan sogokan dan rasuah.

Mendukung prinsip-prinsip ini adalah penting untuk memupuk budaya kepercayaan, akauntabiliti dan tingkah laku beretika dalam rantai bekalan kami.

Konflik Kepentingan

Greatech menekankan kepentingan ketelusan dan integriti dalam semua urusan perniagaan dan mengharapkan pembekal mengelakkan sebarang konflik kepentingan yang boleh menjejaskan piawaian etika atau keputusan perniagaan. Pembekal dikehendaki mencegah dan mendedahkan sebarang situasi yang kepentingan peribadi, kewangan atau lain-lain mungkin bercanggah dengan kewajipan mereka kepada Greatech. Adalah penting bahawa pembekal bertindak demi kepentingan terbaik Greatech dan mengelak daripada terlibat dalam aktiviti yang boleh menimbulkan konflik kepentingan secara nyata atau persepsi. Ini termasuk menahan diri daripada menerima hadiah, bantuan atau bentuk pengaruh tidak wajar yang lain yang boleh mempengaruhi keputusan perniagaan. Greatech mengharapkan pembekal mengekalkan tingkah laku beretika pada tahap tertinggi dan segera mendedahkan sebarang konflik kepentingan yang mungkin timbul. Dengan mendukung prinsip kejujuran, keadilan dan akauntabiliti, pembekal dapat membantu memupuk persekitaran perniagaan yang boleh dipercayai dan beretika dalam rangkaian bekalan kami.

Supplier Code Of Conduct

Fair Competition

Suppliers are required to uphold fair business practices in accordance with all relevant fair competition and antitrust laws and regulations. Suppliers must refrain from participating in any anti-competitive behaviours or agreements, such as predatory pricing, price-fixing, dumping, territorial division, patent misuse and unjustified refusal to supply.

Tatakelakuan Pembekal

Persaingan Adil

Pembekal dikehendaki mendukung amalan perniagaan yang adil mengikut semua undang-undang dan peraturan persaingan adil dan antitrust yang berkaitan. Pembekal mesti mengelak daripada mengambil bahagian dalam sebarang tingkah laku atau perjanjian antipersaingan, seperti penentuan harga predatori, penetapan harga, pelambakan, pembahagian wilayah, penyalahgunaan paten dan keengganan untuk membekal tanpa justifikasi.

Tatakelakuan Pembekal

Harta Fizikal dan Intelekt

Pembekal dikehendaki mendukung dan melindungi kedua-dua hak harta fizikal dan intelek dalam rantai bekalan. Ini termasuk melindungi aset fizikal Greatech daripada kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa izin, serta menghormati dan memelihara hak harta intelek di seluruh rantai bekalan.

Mineral Konflik

Pembekal dikehendaki mematuhi dasar kami mengenai mineral konflik, yang bertujuan untuk menghalang penggunaan mineral yang diperoleh dari kawasan yang terjejas oleh konflik, yang hasil daripadanya boleh mencetuskan pencabulan hak asasi manusia dan konflik bersenjata. Pembekal mesti memberikan maklumat yang tepat dan telus tentang asal usul mineral yang digunakan dalam produk mereka, memastikan ia tidak diperoleh dari kawasan yang terjejas oleh konflik. Pembekal diharapkan menjalankan usaha wajar terhadap rantai bekalan mereka untuk mengesan sumber mineral dan mematuhi piawaian antarabangsa seperti Panduan Usaha Wajar OECD untuk Rantai Bekalan Mineral yang Bertanggungjawab dari Kawasan yang Terjejas oleh Konflik dan Berisiko Tinggi. Kerjasama dengan kami untuk menyokong amalan penyumberan mineral yang bertanggungjawab adalah penting, dan sebarang kebimbangan mengenai mineral konflik harus dilaporkan dengan segera untuk siasatan dan penyelesaian.

Pematuhan Kawalan Eksport

Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan sanksi kawalan eksport yang berkenaan, termasuk undang-undang dari Malaysia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Pembekal menjamin bahawa produk dan perkhidmatan yang diberikan kepada Greatech tidak diperolehi, secara langsung atau tidak langsung daripada negara, entiti atau individu yang dikenakan sekatan; dan tidak tertakluk pada sebarang sekatan yang akan menghalang penjualan, eksport, pemindahan atau penggunaannya oleh Greatech atau sekutunya.

Greatech tidak menyokong aktiviti ketenteraan atau pengganas dan tidak akan menerima barangan atau perkhidmatan dengan pembatasan pengguna akhir.

Pembekal bertanggungjawab untuk pematuhan yang berterusan dan mesti mendapatkan lesen eksport yang diperlukan. Sebarang kebimbangan mengenai sekatan eksport mesti dimaklumkan kepada Greatech secara bertulis dengan segera. Pelanggaran boleh mengakibatkan penggantungan atau penamatan hubungan perniagaan.

Jangkaan Integriti dan Pematuhan Pembekal

Untuk memastikan pematuhan undang-undang dan amalan perniagaan yang beretika, semua pembekal diharapkan mematuhi piawaian tertinggi integriti dan ketelusan dalam operasi mereka. Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian industri yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan amalan buruh, perlindungan alam sekitar, antirasuah dan kerahsiaan data. Pembekal dikehendaki menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang mendukung hak asasi manusia, menggalakkan amalan buruh yang adil, melindungi alam sekitar dan melarang sebarang bentuk diskriminasi, gangguan atau tingkah laku tidak beretika.

Greatech berhak untuk menggunakan langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengesahkan pematuhan dengan Tatakelakuan Pembekal ini, yang mungkin termasuk soal selidik, penilaian atau audit pembekal di tapak dengan kerjasama wakil pembekal. Sekiranya sebarang penyelewengan

daripada prinsip yang digariskan dalam Tatakelakuan Pembekal ini dikenal pasti, Greatech akan memberi pembekal peluang yang munasabah untuk bertindak balas dengan tindakan pembetulan yang dicadangkan. Pembekal bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan ini dengan perbelanjaan mereka sendiri, tanpa mengenakan beban kewangan kepada Greatech.

Tatakelakuan Pembekal

Melaporkan Kebimbangan

Kami menggalakkan pembekal kami untuk segera mengemukakan sebarang kebimbangan mengenai amalan perniagaan kami atau kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan Pembekal kami secara langsung dengan pegawai perhubungan utama mereka di Greatech. Sekiranya gagal, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Korporat Greatech di info@greatech-group.com. Kami tetap teguh dalam komitmen kami untuk mengekalkan kerahsiaan dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas atau serangan balas terhadap individu yang, dengan niat baik, mendapatkan nasihat atau melaporkan sebarang kebimbangan mengenai tingkah laku yang boleh dipersoalkan atau kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan Pembekal ini.